

Anwar tekad tak biarkan pemimpin korup

BERITA HARIAN

15 JUN 2025

m/d: 3

PM tidak berminat penjarakan individu rasuah, hanya mahu dapatkan wang negara diseleweng

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengulangi tekadnya untuk terus bertindak terhadap pemimpin korup di negara ini, walaupun mengakui usaha itu mungkin tidak mendapat sokongan.

“Apabila kita sudah mengambil tindakan terhadap pemimpin yang korup, sama ada yang dahulu atau masih berkhidmat dalam jawatan, ahli perniagaan, pemimpin korporat yang membazirkan berbilion ringgit, saya tidak melihat kemarahan atau sokongan (sedangkan) sepatutnya kita tunjukkan.

“Tetapi itu tidak mengapa, saya tetap akan menjalankan tugas saya, sama ada mendapat sokongan umum atau tidak.

“Itu tanggungjawab dan saya akan melaksanakannya sebaik mungkin untuk memastikan kita membasmi rasuah yang telah berakar umbi dalam negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian keti-

ka berucap merasmikan Majlis Kemuncak Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2025 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) semalam.

Yang turut hadir Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil dan Timbalannya, Teo Nie Ching dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa serta 1,000 tetamu terdiri daripada pengamal media tempatan dan antarabangsa.

Anwar turut menyatakan ‘tidak berminat’ untuk memenjarakan individu tertentu yang terbabit rasuah, sebaliknya hanya mahu mendapatkan kembali wang negara yang diseleweng pihak tertentu supaya dalam digunakan kembali untuk manfaat rakyat.

Perdana Menteri menegaskan, amalan memungkah kekayaan negara oleh tokoh politik dan ahli korporat perlu segera dihentikan.

“Bagaimana negara mengizinkan puluhan bilion dipungah oleh beberapa tokoh politik dan korporat, kemudian dilupakan begitu sahaja? Di mana pengajarannya. Apa makna kuasa?”

“Saya bukan minat nak penjarakan orang. Saya ada minat nak merampas balik wang itu supaya kembali kepada rakyat. Itu minat saya. Saya nak hentikan budaya ini,” katanya.

Anwar mendedahkan ada pihak yang sanggup berpakat dan membiayai personaliti tertentu untuk menyeleweng wang negara.



Anwar bersama Fahmi dan Pengerusi BERNAMA, Datuk Seri Wong Chun Wai menyampaikan Anugerah Khas HAWANA 2025 kepada Allahyarham Rozaid yang diwakili anaknya, Roz Ariffin pada Majlis Kemuncak HAWANA 2025 di WTCKL, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)



Ahmad Fedtri Yahya (dua dari kiri) dari Jabatan Pengisian Islam TV3 muncul juara Pesta Pantun HAWANA DBP 2025.

Justeru, Perdana Menteri menegaskan tidak akan sesekali membiarkan kelompok itu terus melakukan jenayah.

Peruntukan RM30 juta

Dalam ucapan sama, Perdana Menteri mengumumkan peruntukkan RM30 juta bagi membantu organisasi media negara ini melaksanakan transformasi digital dan penggunaan teknologi baharu dalam penghasilan bahan kandungan.

“Saya setuju memperuntukkan dana yang lebih besar bagi

membantu organisasi media dalam negara sebagai langkah awal.

“Ia supaya transformasi digital dengan bantuan dana kerajaan, latihan dan pendedahan kepada kepada wartawan, terutama yang muda.

“Ini untuk pastikan dunia wartawan tidak ketinggalan dalam usia mengajar perubahan ekoran kewujudan teknologi kecerdasan buatan (AI). Di samping itu, ia juga menjamin keseimbangan AI dan etika (ke-wartawanan),” katanya.

Dalam mengejar teknologi, Anwar menitipkan nasihat kepada wartawan agar tidak terlalu menggapai langit sambil menazahirkan harapan buat golongan itu supaya turut berakar di bumi.

Menyentuh kebebasan media di negara ini, Perdana Menteri berkata, ada perkara yang dibolehkan, tetapi haruslah memegang nilai kesopanan dan kesu-silaan.

Katanya, tiada negara yang memberi kebebasan mutlak kepada wartawan, termasuk dirinya sendiri juga tiada kebebasan mutlak walaupun Perdana Menteri.

“Dalam konteks Malaysia yang sering dicurigai mengandakkan bahawa Perdana Menteri harus mempunyai kuasa mutlak untuk memberikan kebebasan penuh. Tidak ada negara di dunia yang menjamin kebebasan sepenuhnya.

“Ia terikat kepada landasan dan semangat Perlembagaan. Terikat pula dengan sistem dan keseimbangan dalam pemerintahan dan apa yang dinasihatkan, dipedoman oleh Raja-Raja Melayu untuk menjamin keharmonian dan kesantunan.

“Tetapi ini tidak harus dianggap sebagai menghalang. Tidak ada dalam peraturan yang menghalang kita memberikan apa-apa nasihat dan teguran, termasuk kepada raja. Yang dipertikaikan adalah serangan, cercaan kepada satu kelompok yang dimuliakan, menjadi tonggak dalam sistem pemerintahan negara,” katanya.

Pada acara sama, bekas Pengerah Media dan Komunikasi Strategik di Pejabat Perdana Menteri (PMO), Allahyarham Rozaid Abdul Rahman, diangkat sebagai penerima Anugerah Khas HAWANA 2025.

Anugerah itu disampaikan Perdana Menteri kepada anak sulung Allahyarham, Roz Ariffin, 34.

Allahyarham Rozaid meninggal dunia pada 18 Ogos 2024 akibat serangan jantung, dikenang sebagai tokoh berpengaruh dalam dunia kewartawanan negara dengan pengalaman melebihi empat dekad dalam industri media.



Anwar hadir pada Majlis Kemuncak HAWANA 2025 di WTCKL, semalam.